

Hadkan kepadatan pelajar, petugas sekolah 50 peratus

Pakar turut saran laksana ujian saringan berkala secara intensif

Oleh Mohd Roji Kawi, Zanariah Abd Mutalib, Baharom Bakar, Hassan Omar, Hidayatidayu Razali, Noorazura Abdul Rahman dan Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kepadatan pelajar dan petugas sekolah di seluruh negara perlu dihadkan sekurang-kurangnya 50 peratus menerusi penggiliran kehadiran dalam usaha mengawal penularan pandemik COVID-19.

Selain itu pakar kesihatan awam juga menyarankan supaya ujian saringan berkala secara intensif dilaksanakan di kawasan merekodkan peningkatan kes baharu yang tinggi.

Sehingga kini, sebanyak 39 kluster dengan 1,420 kes membatikan sub kategori sekolah atau institusi Kementerian Pendidikan (KPM) dikesan dari 1 Janu-

ari hingga 20 April lalu.

Berdasarkan infografik disiarkan di Twitter rasmi Kementerian Kesihatan (KKM), kluster membabitkan institusi pendidikan merekodkan peningkatan sekali ganda daripada enam kepada 12 kluster dalam tempoh tujuh hari pada minggu lalu.

Pakar Kesihatan Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata kepadatan maksimum di sekolah perlu dihadkan kepada 50 peratus dan wajar dilaksanakan sistem penggiliran kehadiran pelajar ke sekolah.

Beliau berkata, masalah timbul apabila prosedur operasi standard (SOP) tidak dipatuhi pelajar, selain guru dan pengurusan sekolah tidak tegas dalam melaksanakan SOP berkenaan.

Sharifa Ezat turut mencadangkan warga sekolah terutama di negeri yang mempunyai kes baharu yang tinggi supaya menjalani ujian saringan secara berkala walaupun tidak menunjukkan sebarang gejala.

Beliau berkata, hipotesis setakat ini menyatakan kanak-kanak kurang menunjukkan simptom dijangkiti COVID-19 kerana kurangnya ekspresi angiotensin-converting enzyme 2 (ACE2) di kawasan nasofarinks mereka.

"Justeru, saringan suhu saja tidak mencukupi untuk memastikan kanak-kanak tidak dijangkiti virus itu. Saringan ke atas warga sekolah perlu dilakukan walaupun mereka tidak menunjukkan apa-apa simptom," katanya kepada *BH*.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam (Epidemiologi & Biostatistik) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, turut menyarankan sekolah melaksanakan sistem

penggiliran kehadiran ke kelas serta Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi mengelak kesesakan di sekolah.

Beliau berkata, maklumat tidak rasmi menunjukkan terdapat pelanggaran SOP ketika warga di sekolah makan atau berbual bersama rakan sekerja di pantri, sama seperti pola yang berlaku di tempat kerja.

Sementara itu, KPM dituntut mengemukakan pelan menangani peningkatan kluster jangkitan COVID-19 dalam sektor pendidikan bagi mengurangkan kebimbangan ibu bapa.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Datuk Mas Ermieyati Samsudin, berkata kebanyakan ibu bapa semakin bimbang berikutan peningkatan kluster itu sejak beberapa minggu lalu.

Berikutan penularan COVID-19, institusi pendidikan terpaksa ditutup, antaranya di Kelantan, Selangor, Sarawak, Johor, Kedah dan Terengganu.

Di **Kota Bharu**, jangkitan COVID-19 dalam kalangan pelajar di Kelantan direkodkan sebanyak 370 kes dalam tempoh dua minggu sehingga 16 April lalu.

Susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Kelantan, lebih 500 sekolah kini ditutup.

Di **Kuching**, semua sekolah di 18 daerah yang berada dalam Zon Merah di Sarawak diarah tutup 14 hari mulai Selasa lalu hingga 3 Mei depan.

Daerah terbabit adalah Belaga, Kanowit, Selangau, Saratok, Subis, Matu, Mukah, Sarikei, Beluru, Samarahan, Serian, Julau, Meradong, Kuching, Kapit, Bintulu, Miri dan Sibu.

Di **Selangor**, sebanyak 19 sekolah diarah tutup bermula 19 April lalu selepas kes jangkitan COVID-19 dikesan berlaku di se-

Saringan suhu saja tidak mencukupi untuk memastikan kanak-kanak tidak dijangkiti virus itu. Saringan ke atas warga sekolah perlu dilakukan walaupun mereka tidak menunjukkan apa-apa simptom

Sharifa Ezat Wan Puteh, Pakar Kesihatan Awam, UKM



kolah terbabit.

Di **Alor Setar**, seramai 64 pelajar daripada sembilan sekolah di Kedah disahkan positif COVID-19 bagi tempoh 14 April hingga kelmarin.

EXCO Agama, Pendidikan dan Sumber Manusia negeri, Datuk Najmi Ahmad, berkata jumlah itu termasuk 35 pelajar Maktab Mahmud Baling yang dikesan positif wabak berkenaan.

"Setakat ini, Maktab Mahmud Baling, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Baling dan Sekolah Kebangsaan (SK) Teloi Kanan sudah diarah ditutup bagi tujuan pembersihan dan kawalan wabak.

Di **Johor Bahru**, tiga lagi sekolah ditutup bagi memberi laluan pengesanan aktif dan operasi sanitasi susulan kes COVID-19, semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya Johor, Mazlan Bujang, berkata ia menjadikan jumlah sekolah yang terpaksa ditutup di negeri itu sebanyak 33 sekolah, termasuk 10 sekolah agama.

Di **Kuala Terengganu**, dua sekolah termasuk sekolah rendah di Kuala Nerus diarah tutup tujuh hari untuk proses sanitasi.

Sekolah Menengah Imtiaz Kuala Nerus dan SK Kompleks Seberang Takir, di sini, diarah tutup oleh Jabatan Kesihatan negeri mulai Ahad lalu.